

R
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACR -1437
INVC...AMS 18/2/02

**PENYALAHGUNAAN DADAH DI KALANGAN
REMAJA ISLAM : SUATU KAJIAN DI SELANGOR**

TESIS

MADIHA BINTI HAMBALI

Perpustakaan Universiti Malaya



A510573598

**JABATAN SYARIAH & UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SESSI 2000/2001**

**PENYALAHGUNAAN DADAH DI KALANGAN
REMAJA ISLAM : SUATU KAJIAN DI SELANGOR**

MADIHA BINTI HAMBALI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN
UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
KURSUS IJAZAH SARJANA SYARIAH
SESSI 2000/2001**

**JABATAN SYARIAH & UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

KANDUNGAN

| <u>TAJUK</u> | <u>HALAMAN</u> |
|----------------------|-----------------|
| HALAMAN TAJUK | |
| KANDUNGAN | i |
| PENGHARGAAN | viii |
| ABSTRAK | x |
| ABSTRACT | xi |
| SINOPSIS | xii |
| KAEDAH TRANSLITERASI | xiv |
| SENARAI KEPENDEKAN | xvi |
| SENARAI JADUAL | xviii |
| SENARAI LAMPIRAN | xix |
| PENDAHULUAN | (xx – xxxiii) |
| Latarbelakang Kajian | xx |
| Objektif Kajian | xxiii |
| Kepentingan Kajian | xxiii |
| Skop Kajian | xxiv |
| Hipotesis Kajian | xxvi |
| Metodologi Kajian | xxvii |
| Kajian-Kajian Lepas | xxx |
| Masalah Kajian | xxxiii |

| | |
|---|-------------|
| BAB SATU : REMAJA DAN MASALAH SOSIAL | (1 – 63) |
| 1.1) PENDAHULUAN | 1 |
| 1.2) DEFINISI REMAJA | 1 - 32 |
| 1.2.1) Menurut pandangan Islam | 2 |
| 1.2.2) Menurut pandangan ahli psikologi | 14 |
| 1.2.3) Fasa perkembangan remaja | 17 |
| 1.2.3.1) awal remaja | 19 |
| 1.2.3.2) pertengahan remaja | 21 |
| 1.2.3.3) akhir remaja | 23 |
| 1.2.4) Perubahan remaja | 26 |
| 1.2.4.1) perubahan fisiologi | 26 |
| 1.2.4.2) perubahan fizikal | 27 |
| 1.2.4.3) perubahan psikologi | 30 |
| 1.2.4.4) perubahan sosial | 31 |
| 1.3) MASALAH SOSIAL DI KALANGAN REMAJA | (32 - 52) |
| 1.3.1) Definisi keruntuhan | 33 |
| 1.3.2) Definisi akhlak | 34 |
| 1.3.3) Masalah sosial dan pembahagian kes gejala sosial | 36 |
| 1.3.4) Beberapa contoh gejala sosial di kalangan remaja | 40 |
| 1.3.4.1) vandalisme | 41 |
| 1.3.4.2) remaja lari dari rumah | 43 |
| 1.3.4.3) melepak | 45 |
| 1.3.4.4) pelacuran | 46 |
| 1.3.4.5) bohsia/bohjan | 48 |

| | |
|--|---------------|
| 1.3.4.6) homoseks | 50 |
| 1.4) KESIMPULAN | 52 |
| Nota Hujung | (55 – 63) |
| <u>BAB DUA : KONSEP DADAH</u> | |
| 2.1) PENDAHULUAN | 64 |
| 2.2) DADAH DAN PANDANGAN ISLAM TERHADAPNYA | (64 – 80) |
| 2.2.1) Menurut Islam | 64 |
| 2.4.1.1) dalil | 69 |
| 2.2.2) Menurut fatwa | 77 |
| 2.3) DADAH DAN PENGERTIANNYA | (81 – 85) |
| 2.3.1) Dadah | 81 |
| 2.3.2) Penyalahgunaan | 84 |
| 2.4) SEJARAH AWAL KEMASUKAN DAN PENGEDARAN DADAH DI MALAYSIA | (85 – 104) |
| 2.4.1) Jenis-jenis dadah yang sering disalahgunakan | 92 |
| 2.4.1.1) dadah perangsang | 93 |
| 2.4.1.2) dadah penekanan | 95 |
| 2.4.1.3) dadah khayalan | 97 |
| 2.4.1.4) narkotik | 99 |
| 2.4.2) Pengambilan dadah di kalangan remaja dan dewasa | 101 |
| 2.5) DADAH DAN KESANNYA | (104 – 107) |
| 2.5.1) Kesan ke atas penagih | (105 – 111) |
| i) terhadap tingkah laku | 105 |
| ii) terhadap kesihatan | 105 |

| | | |
|--|--|---------------|
| iii) | terhadap fizikal | 106 |
| iv) | terhadap maruah diri | 106 |
| , 2.5.2) Kesan ke atas keluarga penagih | | (107 – 109) |
| i) | terhadap maruah diri dan keturunan | 107 |
| ii) | terhadap sosial dan rumah tangga | 107 |
| iii) | terhadap ekonomi | 108 |
| 2.5.3) Kesan ke atas masyarakat | | (109 – 110) |
| i) | terhadap kehidupan sosial dan perpaduan kaum | 109 |
| ii) | terhadap keselamatan | 109 |
| iii) | terhadap pendapatan | 110 |
| 2.5.4) Kesan ke atas negara | | (110 – 112) |
| i) | terhadap keselamatan | 110 |
| ii) | terhadap ekonomi | 111 |
| 2.6) | KESIMPULAN | 112 |
| Nota Hujung | | (113 – 119) |
| <u>BAB TIGA : REMAJA DAN DADAH DI SELANGOR</u> | | (120 – 160) |
| 3.1) | PENDAHULUAN | 120 |
| 3.2) | PROFIL PENAGIHAN | (120 – 139) |
| Jadual 3 : Kes mengikut negeri untuk penagih baru | | 122 |
| Jadual 4 : Kes mengikut negeri untuk penagih berulang | | 123 |
| Jadual 5 : Kes mengikut status di Selangor sahaja | | 126 |
| Jadual 6 : Kes mengikut jantina di Selangor | | 127 |
| Jadual 7 : Kes mengikut umur ketika dikesan di Selangor | | 128 |
| Jadual 8 : Kes mengikut kelulusan tertinggi di Selangor | | 129 |
| Jadual 9 : Kes mengikut sebab mula menggunakan dadah di Selangor | | 132 |
| 3.3) | PERUBAHAN REMAJA YANG TERLIBAT DENGAN DADAH | 139 |

| | |
|--|---------------|
| 3.3.1) Perubahan rupa, fizikal dan kesihatan diri | 140 |
| 3.3.2) Perubahan sikap dan tabiat | 141 |
| 3.3.3) Perubahan tingkah laku dan personaliti | 142 |
| 3.4) FAKTOR PENDORONG KEPADA PENAGIHAN DAN PENGEDARAN (142 – 150) | |
| 3.4.1) Institusi keluarga | 143 |
| 3.4.2) Diri remaja dan rakan sebaya | 147 |
| 3.4.3) Persekutaran | 148 |
| 3.4.4) Keadaan sosio-ekonomi | 149 |
| 3.5) BEBERAPA ALTERNATIF DALAM MENANGANI MASALAH PENAGIHAN DAN PENGEDARAN (150 – 156) | |
| 3.5.1) Peranan ibu bapa | 151 |
| 3.5.2) Peranan guru | 152 |
| 3.5.3) Peranan individu remaja | 153 |
| 3.5.4) Peranan masyarakat | 154 |
| 3.5.5) Peranan media massa | 155 |
| 3.6) KESIMPULAN | 156 |
| Nota Hujung | (157 – 160) |
| <u>BAB EMPAT : PENGAWALAN DAN PENYELESAIAN</u> | (161 – 248) |
| 4.1) PENDAHULUAN | 161 |
| 4.2) SENARAI PROGRAM YANG WUJUD 4.2.1) Program pencegahan | (161 – 243) |
| 4.2.1.1) pencegahan awalan | 164 |
| A) pendidikan pencegahan | 165 |

| | |
|--|---------------|
| B) penerangan dan pencegahan umum | 171 |
| 4.2.1.2) pencegahan kemasukan | 174 |
| A) penggubalan undang-undang | 174 |
| B) penguatkuasaan undang-undang | 179 |
| C) penguatkuasaan racun dan bahan psikotropik | 179 |
| 4.2.2) Program pemulihan | 181 |
| 4.2.2.1) memutuskan pergantungan kepada dadah | 182 |
| A) rawatan dan pemulihan penagih | 183 |
| - Pusat Serenti Dengkil | (187 – 199) |
| a) latarbelakang organisasi | 187 |
| a) profil penagihan | 192 |
| b) aktiviti rawatan dan pemulihan | 196 |
| - Pusat Rawatan Darul Islah | (199 – 209) |
| a) latarbelakang organisasi | 199 |
| b) profil penagihan | 202 |
| a) aktiviti rawatan dan pemulihan | 205 |
| B) rawatan dan pemulihan banduan dadah | 209 |
| - Penjara Seremban, Negeri Sembilan | (210 – 219) |
| a) latarbelakang organisasi | 210 |
| b) profil penagihan | 211 |
| c) aktiviti rawatan dan pemulihan | 215 |
| - Sekolah Henry Gurney, Melaka | (219 – 229) |
| a) latarbelakang organisasi | 219 |
| b) profil penagihan | 221 |
| c) aktiviti rawatan dan pemulihan | 225 |
| C) penentuan penagih dan kemudahan rawatan detoksifikasi | 229 |
| 4.2.2.2) mencegah ketagihan semula | 230 |
| A) kemudahan latihan rundingcara | 231 |
| B) jagaan lanjutan | 232 |

| | | |
|--------|--|---------------|
| - | PRABILA, Sungai Besi | (234 – 243) |
| a) | latarbelakang organisasi | 234 |
| b) | profil penagihan | 235 |
| c) | aktiviti rawatan dan pemulihan | 239 |
| 4.3) | BEBERAPA CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH | (243 – 245) |
| 4.3.1) | Didikan awal | 243 |
| 4.3.2) | Sikap ibu bapa | 244 |
| 4.3.3) | Berdakwah kepada masyarakat | 244 |
| 4.4) | KESIMPULAN | 245 |
| | Nota Hujung | (247 – 249) |
| | <u>BAB LIMA : PENUTUP</u> | (250 – 258) |
| 5.1) | RUMUSAN | 250 |
| 5.2) | SARANAN | 255 |
| | BIBLIOGRAFI | (259 – 274) |
| | LAMPIRAN | |

PENGHARGAAN

Dengan menyebut nama Allah s.w.t yang maha pemurah dan maha penyayang. Segala puji bagi-NYA Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, sekalian ahli keluarga baginda, para sahabat dan tabi'iin serta seluruh kaum muslimin dan muslimat.

Dengan sepenuh kesyukuran kepada Allah s.w.t, penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Puan Raihanah Hj. Abdullah selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan serta nasihat dalam membantu penulis menyiapkan disertasi ini. Syukran Jazilan.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi sanjungan buat ayahanda Hj. Hambali Hj. Abdul Salam dan bonda Hjh. Kalsom Hj. Mokhtar tercinta, Abang Ali sekeluarga, Abang Haka, Abang Ijal sekeluarga, Kak Ijah sekeluarga, Kak Anis sekeluarga dan Ucu Jid yang telah banyak berkorban dan menyumbang samada tenaga, material serta memberikan sokongan moral dan mendoakan kejayaan penulis selama ini.

Buat rakan-rakan seperjuangan (Mazni, Kak Wan, Kak Na, Kak Ros, Kak Siti, Kak Peah, Aen dan juga Kak Zai), terima kasih diucapkan kerana sudi menjadi teman serta sahabat yang banyak menghulurkan bantuan dan

sumbangan berupa tenaga, masa dan buah fikiran sebagai panduan penulis untuk menyiapkan disertasi ini.

Sejuta penghargaan juga diucapkan buat kakitangan IPP Kajang, SHG Melaka, Penjara Seremban, PRABILA Sungai Besi, Pusat Serenti Dengkil, Darul Islah Sabak Bernam, ADK, JAWI, JAKIM, JAIS, sekolah-sekolah yang terlibat serta semua tenaga pengajar di Akademi Pengajian Islam ini dan tidak lupa juga buat adik-adik madrasah Syabab yang banyak membantu penulis mendapatkan bahan-bahan untuk melengkapkan disertasi ini.

Akhir sekali buat semua, bantuan dan sumbangan serta kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan disanjungi. Semoga kalian akan mendapat ganjaran dan pahala yang tinggi di sisi Allah s.w.t.

Terima kasih sekali lagi daripada,

MADIHA HAMBALI

Lot 1872, Kampung Meru,

41050 Klang.

(31 Mei 2001 / 8 Rabi' al-Awwal 1422)

ABSTRAK

Dadah telah diisyiharkan sebagai di antara masalah sosial yang paling utama dan musuh nombor satu negara. Fenomena penyalahgunaan dan penagihan dadah ini semakin serius melibatkan berbagai bangsa dan peringkat umur. Justeru itu, disertasi ini bertujuan untuk melihat sejauhmana permasalahan penyalahgunaan dadah berlaku di kalangan remaja Islam khususnya di Selangor. Permasalahan tersebut mempunyai hubung kaitnya dengan faktor rakan sebaya juga faktor keluarga disertai dengan faktor sampingan yang lain yang datang daripada perkembangan dan perubahan diri dan peribadi remaja itu sendiri. Selain itu, disertasi juga cuba menganalisis sejauhmana keberkesanan program-program yang dilaksanakan oleh pusat-pusat pemulihan kerajaan mahupun swasta dalam menangani permasalahan penyalahgunaan dadah ini. Pandangan Islam dan fatwa berhubung dengan masalah tersebut juga turut dibincangkan.

Dapatan kajian menunjukkan masih terdapat peningkatan bilangan penagih setiap hari walaupun usaha pencegahan dan pemulihan melalui program dan aktiviti anjuran berbagai pertubuhan dilaksanakan. Ini kerana masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki di dalam pengisian sesuatu program dan aktiviti tersebut. Namun begitu, semua pusat pemulihan yang menyediakan bantuan program rawatan dan pemulihan untuk penagih ini telah menampakkan kesungguhan mereka untuk menangani permasalahan penyalahgunaan dadah ini.

ABSTRACT

Drug has been recognized as the main social problem and being regarded as the nation first enemy. The phenomenon of drug abuse and addiction has become more serious and it involves all levels of race and age. Thus, this dissertation is triggered to look into the problem of drug abuse among teenagers mainly in Selangor. The problem has been related to the teenager development and self improvement besides other affecting factors such as the influence of friends and family. On the other hand, the dissertation also tries to analyse the effectiveness of the programs held both by the government and the private sector in the respective rehabilitation centres. Discussion was also being made base on the Islamic perspectives and "fatwa".

The findings show that despite all the rehabilitation and prevention programs being held by the authorities, the number of drug addicts is still increasing from time to time. Nevertheless, all the rehabilitation centres are committedly putting their efforts to confront and handle the problem.

SINOPSIS

Secara khususnya kajian ini mengandungi 5 bab yang secara ringkasnya seperti mana di bawah :

Bab 1 : pada permulaan bab ini, kajian akan dibuat terhadap definisi remaja, struktur dan bentuk perubahan remaja serta hubung kaitnya dengan masalah gejala sosial yang banyak berlaku di kalangan mereka. Rentetan daripada itu, beberapa masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja berserta beberapa contoh gejala sosial yang dipilih akan dibincangkan sebagai satu bentuk landasan untuk kajian seterusnya.

Bab 2 : disebabkan oleh kedudukan remaja itu sendiri yang lebih mudah terpengaruh dengan rakan sebaya mereka, mempunyai keinginan dan perasaan ingin tahu yang kuat untuk mencuba sesuatu yang baru yang lahir daripada bentuk struktur dan perubahan yang berlaku di dalam diri setiap remaja itu sendiri yang telah dibincangkan di dalam bab sebelumnya, bab ini akan lebih menumpukan kajian tentang definisi dadah, sejarah, jenis-jenis dadah serta kesannya kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Selain itu, hukum dadah dan penggunaannya menurut perspektif Islam dan fatwa yang telah diwartakan di Malaysia turut dibincangkan sebagai satu garis panduan dalam proses menangani masalah penyalahgunaan dadah di kalangan remaja ini.

Bab 3 : kajian akan lebih tertumpu kepada statistik dan profil penagihan khususnya di Selangor. Selain itu, beberapa faktor dan punca penagihan dan pengedaran juga dibincangkan berserta beberapa cadangan alternatif di dalam menangani permasalahan tersebut.

Bab 4 : kajian akan lebih menumpukan perhatian kepada penganalisaan tentang keberkesanan program-program dan aktiviti-aktiviti pencegahan dan pemuliharaan yang telah banyak dijalankan oleh pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta di Malaysia. Di samping, beberapa cadangan penyelesaian dalam menangani isu dadah yang lebih tertumpu kepada remaja itu sendiri sebagai kumpulan sasar dalam persoalan kajian ini.

Bab 5 : merupakan bab kesimpulan berserta penemuan akhir kajian, saranan dan penutup.

KAEDAH TRANSLITERASI

1) Konsonan

| <u>Huruf Arab</u> | <u>Huruf Rumi</u> |
|-------------------|-------------------|
| ا | a |
| ب | b |
| ت | t |
| ث | th |
| ج | j |
| ح | h |
| خ | kh |
| د | d |
| ذ | dh |
| ر | r |
| ز | z |
| س | s |
| ش | sy |
| ص | s̪ |
| ض | d̪ |
| ط | t̪ |
| ظ | z̪ |
| ع | ' |

| | |
|---|----|
| غ | gh |
| ف | f |
| ق | q |
| ك | k |
| ل | l |
| م | m |
| ن | n |
| و | w |
| ه | h |
| ء | , |
| ي | y |
| ة | t |

2) Vokal

a. Pendek

— a

— i

— u

b. Panjang

— ā

— ī

— ū

c. Diftong

أي ay

أو aw

Catatan

Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan tidak ditransliterasikan seperti syarak, fukaha, nas, al-Quran dan hadis. Ejaan ini berdasarkan ejaan Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1997), edisi ketiga.

SENARAI KEPENDEKAN

| <u>Ejaan singkatan kata</u> | <u>Ejaan asal</u> |
|-----------------------------|---|
| Op. Cit. | (Latin – Opera Citato) – dalam rujuk yang telah diterangkan |
| Ibid. | (Ibidem) – pada tempat, kitab, fasal atau halaman yang sama |
| Cet. | Cetakan |
| Hal. | Halaman |
| Inc. | Incompany |
| & | and atau dan |
| Anj. | Anjuran |
| Uni. | Universiti |
| Dr. | Doktor |
| K. Lumpur | Kuala Lumpur |
| Sdn. Bhd. | Sendirian Berhad |
| Prof. | Profesor |
| LPPKN | Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara |
| Jil. | Jilid |
| Terj. | Terjemahan |
| Juz. | Juzuk |
| Bah. | Bahagian |
| Jab. | Jabatan |
| (t. t) | tanpa tahun |
| (t. p) | tanpa pengarang |

| | |
|--------|---------------------------------------|
| (t.k) | tanpa kota |
| Hj. | Haji |
| % | peratus |
| JKMM | Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia |
| Vol. | Volume |
| Sek. | Sekolah |
| M'sia | Malaysia |
| s.a.w. | sallallahu alaihi wasallam |
| r.a. | radiallahuanhu |

SENARAI JADUAL

- Jadual 1 : Bilangan penagih mengikut umur ketika dikesan.
- Jadual 2 : Bilangan penuntut yang terlibat dengan kesalahan dadah mengikut jenis dadah.
- Jadual 3 : Bilangan penagih yang dikesan mengikut jenis dadah.
- Jadual 4 : Kes mengikut negeri untuk penagih baru.
- Jadual 5 : Kes mengikut negeri untuk penagih berulang.
- Jadual 6 : Kes mengikut status di Selangor sahaja.
- Jadual 7 : Kes mengikut jantina di Selangor.
- Jadual 8 : Kes mengikut umur ketika dikesan di Selangor.
- Jadual 9 : Kes mengikut kelulusan tertinggi di Selangor.
- Jadual 10 : Kes mengikut sebab mula menggunakan dadah di Selangor.
- Jadual 11 : Jumlah kes mengikut sebab mula menggunakan dadah, Jan – Dis 1998.
- Jadual 12 : Agensi yang terlibat dalam pencegahan dan pengawalan dadah.

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Perubahan proses biokimia badan semasa mengalami baligh.
- Lampiran B : Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.
- Lampiran C : Peta kawasan Segitiga Emas (Golden Triangle).
- Lampiran D : Pelbagai kesalahan dan hukuman di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.
- Lampiran E : Kes perintah mahkamah, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.
- Lampiran F : Kes sukarela , Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.
- Lampiran G : Carta organisasi di Pusat Serenti Dengkil.
- Lampiran H : Jadual aktiviti rawatan dan pemulihan Pusat Serenti Dengkil sepanjang tahun 1999.
- Lampiran I : Aktiviti-aktiviti terapi khas dan aktiviti-aktiviti terapi lain.
- Lampiran J : Syarat dan kriteria kemasukan ke PRABILA, Sungai Besi.
- Lampiran K : Struktur program dan aktiviti di PRABILA, Sungai Besi.

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

LATAR BELAKANG KAJIAN :

Penyalahgunaan dan penagihan dadah di Malaysia merupakan fenomena yang semakin serius. Melalui sorotan sejarah menyatakan perbuatan tersebut berkaitrapat dengan pembangunan awal ekonomi Malaysia. Sejarah turut menjelaskan pada awal abad 19, lombong bijih, ladang getah dan perusahaan lada hitam giat diusahakan dan keadaan ini memerlukan tenaga buruh yang ramai khususnya dari China dan India Selatan. Buruh-buruh ini khususnya buruh Cina turut membawa budaya menghisap candu dan ianya kekal atas beberapa sebab iaitu antaranya candu dipercayai boleh menghilangkan rasa sakit dan sekaligus menyembuhkan penyakit seperti batuk kering, sakit paru-paru, cirit birit, muntah dan di samping candu yang mudah didapati dan mempunyai kewangan yang mencukupi.

Walaupun pelbagai usaha kemudiannya dilakukan bagi mengawal keadaan tersebut, namun ia berterusan dengan teknik-teknik baru yang lebih hebat dan terkini khususnya dalam penggunaan candu antara lain melalui cara suntikan ke dalam pembuluh darah. Selain daripada itu, bahan yang digunakan tidak lagi terhad kepada candu tetapi turut menggunakan ganja, morfin dan pelbagai jenis dadah berbahaya yang lain. Fenomena ini mendorong Malaysia mengawasi keadaan tersebut khususnya selepas projek pelaporan dadah dikemukakan oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun 1976. Seterusnya pada

19 Februari 1983 di majlis pelancaran "Kempen Anti Dadah Peringkat Kebangsaan", dadah telah diisyiharkan sebagai di antara masalah sosial yang paling utama dan musuh nombor satu negara oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Justeru itu, projek ini kemudiannya diambil alih sepenuhnya oleh pihak Pasukan Petugas Anti Dadah (PPAD) dengan pembaharuan dari aspek Perangkaan Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan Bahagian Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam menangani masalah dadah ini.

Persoalannya kini, fenomena penyalahgunaan dan penagihan dadah ini semakin serius dan melibatkan hampir semua golongan baik muda atau tua, bekerja sendiri atau swasta, golongan biasa atau professional dan turut melibatkan hampir semua bangsa di Malaysia iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi bangsa minoriti Malaysia. Walaubagaimanapun, golongan remaja seringkali dikaitkan sebagai golongan yang paling ramai terlibat dengan gejala tersebut berdasarkan statistik kes mengikut umur ketika dikesan dalam Jadual 1 di bawah, menunjukkan bahawa jumlah penagih yang telah dikesan pada tahun 1998 sahaja antara umur kurang daripada 13 tahun hingga umur 24 tahun adalah seramai 11,332 orang iaitu 30.15% berbanding jumlah penagih keseluruhannya pada tahun itu iaitu seramai 37,588 orang. Walaupun bilangan golongan remaja yang terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah ini masih kelihatan sedikit berbanding golongan lain, namun fenomena yang semakin parah ini banyak menimbulkan keimbangan masyarakat terutamanya ibu bapa remaja dan turut

mendapat perhatian bukan sahaja pihak Petugas Anti Dadah tetapi turut mendapat perhatian golongan cendikiawan dan golongan agama atau ulama.

Jadual 1
(Bilangan penagih mengikut umur ketika dikesan)

| Umur Thn | <13 | 13-15 | 16-19 | 20-24 | 25-29 | 30-34 | 35-39 | >40 |
|-------------|-----|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1984 | 0 | 89 | 1810 | 5868 | 6922 | 6041 | 4248 | 2704 |
| 1995 | 0 | 119 | 2207 | 6561 | 7312 | 6662 | 5018 | 3783 |
| 1996 | 1 | 129 | 2225 | 6201 | 6521 | 5833 | 4460 | 3438 |
| 1997 | 2 | 163 | 2918 | 7978 | 7873 | 6638 | 4957 | 4306 |
| 1998 | 20 | 196 | 2825 | 8291 | 8187 | 6690 | 4959 | 4480 |
| Jum. | 23 | 896 | 11983 | 34899 | 36815 | 31864 | 23642 | 18711 |

(Sumber : ADK KDN)

Kecenderungan inilah yang telah membawa penulis untuk membuat kajian berhubung dengan masalah penyalahgunaan dan penagihan dadah di kalangan remaja Islam khususnya di Selangor serta mencari dan mengupas beberapa cara dan jalan penyelesaian untuk menangani isu tersebut. Seterusnya, selain penggubalan undang-undang yang lebih berkesan, pandangan agama terhadap kedudukan dadah dan pembabitan remaja dalam gejala tersebut turut diambil kira sebagai suatu justifikasi dan landasan dalam menangani permasalahan penyalahgunaan dan penagihan dadah ini.

OBJEKTIF KAJIAN :

Secara keseluruhannya, objektif kajian ini ialah :

- a) Untuk mengkaji perkembangan remaja dari segi tabiat dan kelakuannya serta perubahan mereka dari sudut sosial, emosi, fizikal dan psikologi serta hubung kaitnya dengan masalah penyalahgunaan dan penagihan dadah terutama di kalangan remaja Islam di Selangor.
- b) Untuk mengkaji dan mengenal pasti faktor utama dan sampingan serta kesan-kesan penyalahgunaan dan penagihan dadah di kalangan remaja.
- c) Untuk menganalisis program-program dan aktiviti-aktiviti yang banyak dilaksanakan di Malaysia khususnya untuk menangani permasalahan dadah ini.
- d) Untuk mencari jalan penyelesaian dalam menangani permasalahan penyalahgunaan dan penagihan dadah yang kian meningkat peratusnya terutamanya di kalangan remaja Islam yang tinggal di kawasan bandar.

KEPENTINGAN KAJIAN :

Antara kepentingan kajian ini dibuat adalah :

- a) Untuk memberi penjelasan kepada masyarakat khususnya para ibu bapa tentang pentingnya memberi perhatian sewajamnya dan sentiasa peka dengan

perubahan yang berlaku ke atas anak-anak terutamanya di era anak-anak remaja yang meningkat dewasa.

- b) Untuk memberi pendedahan kepada masyarakat khususnya masyarakat Islam tentang kedudukan dadah dari kacamata Islam serta kesan-kesannya yang buruk dari setiap sudut supaya ia menjadi satu landasan untuk sama-sama memelihara diri dan keluarga daripada terjerumus ke dalamnya.
- c) Untuk memberi beberapa cadangan alternatif pencegahan dan penyelesaian menurut pendekatan Islam dalam usaha menangani permasalahan dadah ini supaya menjadi panduan kepada masyarakat dalam membantu yang telah dan belum terlibat di dalam kancanah dadah ini khususnya anak-anak remaja.

SKOP KAJIAN :

Secara umumnya, sebelum kajian dibuat terhadap pokok persoalan mengenai permasalahan penyalahgunaan dan pengedaran dadah di kalangan remaja, kajian dan analisis akan dibuat terhadap beberapa contoh gejala sosial yang bertentangan dengan moral dan etika Islam dan sering dikaitkan dengan remaja seperti gejala remaja lari dari rumah dan gejala bohsia/bohjan. Ini bertujuan sebagai salah satu cara pemberitahuan dan langkah berjaga-jaga untuk para pembaca khususnya ibu bapa juga penyelidik lain tentang bahayanya dan banyak lagi bentuk-bentuk masalah sosial lain yang boleh dikaitkan dengan

remaja. Tambahan pula, bentuk-bentuk masalah sosial yang lain ini juga merupakan masalah tingkah laku yang sering dihadapi oleh mereka dewasa ini.

Seterusnya, kajian akan dibuat terhadap permasalahan penyalahgunaan dan penagihan dadah yang melibatkan semua remaja berbilang bangsa tetapi ia akan lebih menjuruskan dan menumpukan perhatian kepada individu remaja Islam di Selangor. Ini disebabkan oleh kepercayaan penulis tentang peningkatan peratus remaja Islam yang terlibat dalam permasalahan dadah ini berdasarkan permerhatian penulis sendiri di pusat-pusat pemulihan kerajaan dan persendirian. Kebanyakan daripada penagih remaja yang menjalani program rawatan dan pemulihan di pusat-pusat pemulihan tersebut merupakan penagih berbangsa Melayu yang secara umumnya beragama Islam.

Selain itu, negeri Selangor telah dipilih sebagai tempat kajian dan kajian tersebut hanya tertumpu kepada responden penagih-penagih yang telah didaftarkan di sebahagian pusat-pusat pemulihan dadah kerajaan ataupun persendirian di sekitar negeri ini sahaja tanpa melihat kepada penagih-penagih yang masih berkeliaran di luar yang tidak didaftarkan di pusat-pusat ini. Contohnya, kajian telah dibuat di pusat pemulihan kerajaan seperti di Pusat Serenti Dengkil juga pusat pemulihan persendirian seperti PRABILA (Program Rawatan Biro Latihan) di Sungai Besi dan Darul Islah di Sabak Bernam.

Akhirmnya, kajian akan cuba menganalisis keberkesanan program-program pencegahan dan pemulihan yang telah dijalankan dalam menangani

permasalahan penyalahgunaan dadah ini beserta beberapa cadangan penyelesaian yang difikirkan sesuai dalam menangani permasalahan tersebut.

HIPOTESIS KAJIAN :

Pertama : Kajian akan cuba melihat bahawa faktor utama kepada perlakuan negatif para remaja yang bertentangan dengan moral dan etika Islam ialah faktor pengaruh rakan sebaya di samping faktor sampingan lain seperti faktor peribadi atau diri juga faktor keluarga.

Kedua : Proses pemulihan bagi setiap individu remaja telah terlibat dalam masalah dadah ini bukan sahaja datang dari hati dan azam mereka yang tekad untuk berubah, namun ia juga memerlukan sokongan yang kuat dan kukuh dari kalangan keluarga terdekat iaitu ibu bapa dan adik beradik remaja tersebut.

Ketiga : Di samping pengawalan dan penyelesaian melalui undang-undang, program-program pemulihan yang diperkenalkan oleh sesebuah institusi yang menjalankan program rawatan dan pemulihan ke atas penagih juga merupakan kombinasi pengawalan dan penyelesaian yang baik dalam menangani penyalahgunaan dadah ini. Dua kombinasi ini perlu seiring dengan kemahuhan diri penagih itu sendiri untuk memperbaiki diri.

METODOLOGI KAJIAN :

Antara metod yang digunakan dalam mencapai maksud kajian adalah seperti :

a) **Metod perpustakaan**

Metod ini amat penting dalam mengumpul data terutama untuk bab pertama hingga keempat. Antara usaha yang dilakukan ialah dengan cara mengumpul data melalui pembacaan buku-buku, majalah, akhbar, jurnal, risalah, kertas kerja seminar serta beberapa bahan bacaan yang lain lagi. Untuk itu, beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Pusat Islam dan Perpustakaan Negara merupakan tempat yang selalu dikunjungi untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kajian. Antaranya data mengenai remaja dan bentuk perubahan mereka yang mempunyai hubung kaitnya dalam mempengaruhi segala tingkah laku dan akhlak anak remaja tersebut. Selain itu, data mengenai dadah, sejarah, jenis-jenis dadah, faktor dan kesannya ke atas diri remaja khususnya dan keluarga, masyarakat dan negara amnya juga didapati melalui metod ini. Statistik mengenai penagih dadah juga diperolehi melalui metod ini dengan merujuk lebih lanjut kepada Jabatan Perangkaan Agensi Dadah Kebangsaan.

b) **Metod observasi**

Metod ini perlu dalam meneliti dan mendapatkan data dan maklumat yang lebih tepat dan terperinci. Antaranya ialah melalui observasi secara langsung dan tidak langsung seperti di beberapa buah tempat yang telah

dipilih seperti di Sekolah Henry Gumey dan Prabila di Sungai Besi. Metod ini amat perlu dalam melihat dan memperhatikan keadaan sebenar kehidupan para penagih remaja dalam proses mereka menjalani program pemulihan di tempat-tempat pemulihan yang telah disediakan. Metod ini banyak digunakan khususnya dalam bab empat untuk mendapatkan data-data mengenai program dan aktiviti yang telah dijalankan di lima buah pusat pemulihan kerajaan dan swasta dalam merawat penagih-penagih yang telah terlibat dengan dadah.

c) **Metod temubual**

Metod ini digunakan sebagai cara untuk menambahkan maklumat dan bahan-bahan yang telah ada dan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi semasa membuat kajian. Antaranya, pemilihan beberapa orang responden daripada setiap jabatan yang dikunjungi seperti JAWI, JAKIM, JKMM, Sekolah Henry Gumey dan Prabila Sungai Besi. Soalan kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di setiap jabatan adalah berbentuk tidak formal yang secara asasnya berkisar tentang hukum menyalahgunakan dadah dan jalan penyelesaian yang dapat membantu mereka yang belum dan telah terlibat dengan dadah khususnya dari golongan remaja supaya mereka dapat menjauhkan diri daripada najis dadah. Manakala soalan berbentuk formal digunakan contohnya dalam mendapatkan data latar belakang daripada para pelatih remaja yang dipilih secara rawak dan sedang menjalani program rawatan dan pemulihan di Sekolah Henry Gumey, PRABILA, Darul Islah, Pusat Serenti Dengkil dan

Penjara Seremban untuk mendapatkan pandangan secara umum tentang faktor penyebab dan punca kepada penglibatan mereka di dalam penyalahgunaan najis dadah ini. Selain itu juga, kesan yang diperolehi dalam diri pelatih remaja tersebut setelah menjalani program rawatan dan pemulihan di pusat-pusat pemulihan ini juga dapat diperolehi melalui metod ini. Umumnya metod ini banyak digunakan untuk mendapatkan maklumat untuk bab empat juga sedikit untuk bab dua dan tiga.

d) **Metod penganalisaan data**

Metod ini digunakan untuk menganalisis beberapa data yang ada seperti statistik yang didapati daripada Jabatan Perangkaan Agensi Dadah Kebangsaan mengenai masalah dadah ini serta data-data mengenai program-program dan aktiviti yang telah dijalankan di setiap institusi kerajaan mahupun swasta dalam menangani permasalahan penyalahgunaan dadah ini. Analisis ini dibuat antaranya melalui metod induktif, deduktif dan komparatif. Melalui metod induktif atau pengemukaan data yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan yang bersifat umum telah dibuat berdasarkan penganalisaan daripada data-data statistik yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Agensi Dadah terutamanya di bab tiga. Metod deduktif pula mengemukakan suatu pernyataan dan seterusnya memberikan bukti-bukti yang menjadi hujah bagi pernyataan itu. Ianya banyak digunakan pada penghujung bab dua, tiga dan empat khususnya untuk membuktikan hipotesis kajian ini terutamanya mengenai faktor rakan sebaya lebih mempengaruhi perilaku negatif remaja di

samping faktor sampingan yang lain juga pengawalan dan pemulihan melalui undang-undang serta institusi-institusi yang terbabit dalam menangani penyalahgunaan dadah perlulah seiring dengan kemahuan diri penagih itu sendiri untuk memperbaiki diri. Manakala penggunaan metod komparatif yang bermaksud membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi ketika kajian dibuat digunakan dalam menghuraikan sejauhmana keberkesanan program-program dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh institusi kerajaan dan swasta dalam menangani permasalahan dadah ini serta melihat perbandingan antara pusat pemulihan kerajaan dan swasta daripada segi program dan aktiviti yang telah dibuat serta kesannya ke atas setiap diri penagih.

KAJIAN-KAJIAN LEPAS :

Tidak dinafikan telah terdapat beberapa kajian tentang masalah penyalahgunaan dan penagihan dadah antaranya seperti tulisan *Idris b. Yusak @ Hj. Abdul Aziz, Penyalahgunaan dadah : punca dan sebab penglibatan belia Islam, kajian kes di Wilayah Persekutuan, Universiti Malaya, 1990* dan latihan ilmiah tulisan *Fatimah bt. Mohamad, Penyalahgunaan dadah di kalangan muda-mudi, penyelesaiannya dari perspektif Islam : kajian kes di Wilayah Persekutuan, Universiti Malaya, 1991*. Namun kedua-dua hasil penulisan tersebut hanya menyentuh secara ringkas penglibatan belia dengan masalah penagihan dadah serta cara penyelesaian menurut Islam. Kedua-dua penulisan tersebut juga lebih

menumpukan kajian di tempat yang sama iaitu Wilayah Persekutuan yang memang diketahui mempunyai peratus bilangan tertinggi dalam masalah dadah ini. Bukan itu sahaja, terdapat juga beberapa buah kajian di peringkat ijazah kedoktoran yang membincangkan tentang masalah tersebut. Contohnya, tulisan *Nawi bin Jusoh, Persepsi penagih-penagih dadah tentang sebab-sebab mereka menjadi penagih dadah, 1978* juga tulisan *Mimi Kamariah bt Abdul Majid* bertajuk *The Malaysian criminal justice system in relation to dadah, 1983*. Namun begitu, skop perbincangan bagi kedua-dua hasil kajian di peringkat kedoktoran ini menyentuh dari dua sudut yang berbeza. Pertamanya lebih menyentuh kepada persepsi diri penagih itu sendiri yang berkaitan dengan sosiologi dan psikologinya, manakala kajian kedua yang dibuat oleh Mimi Kamariah lebih menjuruskan kepada perbincangan dari segi sistem perundangan yang berkaitan dengan jenayah dadah ini.

Selain itu, banyak juga terdapat kertas kerja seminar yang turut membincangkan tentang masalah penyalahgunaan dadah ini. Antaranya, *kertas-kerja Seminar bahaya alkohol dan penggunaan dadah peringkat kebangsaan* di UKM, Bangi, 1984 serta *kertas-kertas kerja Bengkel strategi dan rancangan-rancangan media untuk mencegah penggunaan dadah* yang berlangsung di Bukit Fraser, 1980. Bengkel dan seminar ini hanya membentangkan serba sedikit mengenai sejarah latar belakang serta penggunaan dadah dan strategi pencegahannya di Malaysia khasnya.

Ringkasnya dapat dirumuskan bahawa kebanyakan kajian-kajian lepas ini menyentuh kepada satu tajuk dan bidang tertentu mengikut kepakaran masing-masing. Selain itu, masih terdapat lagi kekurangan bahan rujukan dalam bentuk penulisan dan perbincangan mengenai isu ini walaupun ia merupakan isu sosial yang utama di negara ini.

Justeru itu, kajian ini akan membincangkan lebih terperinci mengenai keadaan remaja dan hubung kaitnya dengan masalah penyalahgunaan dadah ini serta melihat kepada pandangan Islam mengenai kedudukan dadah berserta hukuman yang setimpal ke atas remaja khususnya sepetimana yang telah digubal oleh kerajaan. Ditambah lagi dengan membincangkan hukuman terhadap penagih dan pengedar dadah menurut perspektif Islam yang perlu diketahui oleh semua masyarakat Islam khasnya supaya ia menjadi satu panduan asas untuk mereka memelihara diri daripada terjerumus ke kancang najis dadah ini. Tidak lupa juga perbincangan dan penganalisaan program-program pencegahan dan pemulihan yang telah diadakan oleh sebahagian institusi di Malaysia dipaparkan berserta beberapa cadangan penyelesaian yang lebih tertumpu kepada remaja itu sendiri sebagai kumpulan sasar supaya boleh menjadi satu titik tolak kepada masyarakat dalam membantu menangani masalah penyalahgunaan dan penagihan dadah di kalangan mereka. Kajian ini juga mengambil negeri Selangor sebagai tempat kajian memandangkan tiada lagi kajian mengenai masalah ini dijalankan di sini.

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menambahkan lagi hasil penulisan dalam isu ini supaya dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada penyelidik lain

khasnya dan para pembaca amnya. Diharapkan juga kajian ini akan memberi banyak manfaat kepada bakal pembacanya yang akan datang.

MASALAH KAJIAN :

Memandangkan kajian berbentuk kajian lapangan, memang tidak dinafikan terdapat sedikit masalah yang mengganggu dan menjelaskan mutu serta kelancaran perjalanan kajian. Antaranya, kajian di Sekolah Henry Gumey Perak yang menempatkan para penagih remaja perempuan tidak mendapat keizinan daripada pihak Jabatan Penjara. Keadaan ini menyukarkan kajian dibuat untuk mengetahui latar belakang organisasi tersebut sekaligus mengetahui profil penagihan penagih remaja perempuan di sana. Selain itu, kebenaran untuk ke Penjara Kajang yang menempatkan banduan dadah juga tidak diperolehi.

Kajian ke beberapa buah institusi di luar negeri Selangor juga menyebabkan kelancaran kajian sedikit terganggu. Ini kerana banyak masa, wang serta tenaga perlu diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Tambahan pula, proses untuk mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian di setiap satu institusi yang terlibat tersebut memakan masa yang lama.